

No. Sebut harga : JKNJ/P&A/400-5/6/26

## KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH SECARA JUALAN SISA

Jabatan Kesihatan Negeri Johor  
Bahagian Pengurusan  
Aras 4, Blok B, Wisma Persekutuan Johor Bahru  
Jalan Ayer Molek  
80590 Johor Bahru, Johor  
(u/p : Unit Pengurusan Aset & Stor)

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	*Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan	Kaedah Pelupusan
1.	MPV Toyota Innova	JMP 3494	1	RM500.00	Sebut Harga Jualan Sisa

\* Nota : Bagi yang berkaitan sahaja.

2. Aset boleh dilihat pada **21 Mei 2023 (Ahad)** di antara jam **9.00 pagi** hingga **12.00 tengah hari** di **Tempat Letak Kenderaan Unit Pengangkutan, Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri Johor (Hospital Permai Lama).**
3. Dokumen sebut harga boleh didapati secara percuma bermula 15 Mei 2023 (Isnin) hingga 22 Mei 2023 (Isnin) di **Unit Kewangan dan Perolehan, Bahagian Pengurusan, Jabatan Kesihatan Negeri Johor, Aras 4, Blok B, Wisma Persekutuan Johor Bahru** pada waktu pejabat **10.00 pagi** hingga **1.00 tengah hari** dan **2.00 petang** hingga **4.00 petang**. **Tiada pengambilan dokumen sebut harga di lokasi lawatan tapak.**
4. Tawaran sebut harga ini sah bagi tempoh 90 hari.
5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebut harga **JKNJ/P&A/400-5/6/26** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

**Pengarah**  
**Jabatan Kesihatan Negeri Johor**  
**Bahagian Pengurusan**  
**Aras 4, Blok B, Wisma Persekutuan Johor Bahru**  
**Jalan Ayer Molek**  
**80590 Johor Bahru, Johor**

6. Tarikh tutup sebut harga pada **25 Mei 2023 (Khamis)** jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.
7. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Puan Fadzihanum binti Mokhtar di talian 07-2226003 atau [fadzihanum@moh.gov.my](mailto:fadzihanum@moh.gov.my).

**Lampiran B****SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA JUALAN SISA (SEMENANJUNG)**

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Anggaran kos pembaikan dan penyelenggaraan semasa berjumlah RM600.00.
3. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **Pengarah, Jabatan Kesihatan Negeri Johor**.
4. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
5. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is basis).
6. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (dismantle), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
9. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh tujuh (7) hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan di kembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

**SYARAT DAN PERATURAN TAMBAHAN SEBUT HARGA JUALAN SISA  
(SEMENANJUNG)**

10. Dipelawa hanya kepada **syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam Bidang Membeli Barang Lusuh (Perlu Permit)** sahaja. Individu tidak dibenarkan menyertai pelawaan sebut harga ini.
11. Kenderaan dilupus secara **jualan sisa**. Kenderaan **tidak boleh** didaftarkan semula dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) / Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan tidak boleh digunakan di atas jalan raya / laut.
12. Penyebut harga boleh mengemukakan sebarang nilai tawaran walaupun kurang daripada harga simpanan. Walau bagaimanapun pemilihan penyebut harga yang berjaya adalah tertakluk kepada nilai **tawaran yang tertinggi** dan **kelulusan** Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan.
13. Alat komunikasi GIRN, *stretcher*, lampu siren (beacon light), alat takal penarik (winch) dan alat komponen/aksesori lain (jika ada) **tidak termasuk** dalam jualan kenderaan.
14. Pembeli yang berjaya **bertanggungjawab**:-
  - a) **Menyerahkan kepada Jabatan** sebelum membawa keluar kenderaan:-
    - i. Alat komunikasi GIRN, *stretcher*, lampu siren (beacon light) dan alat komponen lain (ambulans) yang masih berfungsi; atau
    - ii. Alat komunikasi GIRN, *alat takal penarik* (winch) dan alat komponen lain (pacuan 4 roda) yang masih berfungsi (jika ada);
    - iii. Menanggalkan Lesen Kenderaan Motor (LKM) yang masih berkuatkuasa;
  - b) **Memadamkan** nama jabatan pada badan kenderaan sebelum membawa keluar kenderaan;
  - c) Segala urusan berkaitan akses dan cukai Kastam adalah **ditanggung** oleh pembeli yang berjaya sekiranya tidak mendapat pengecualian (jika berkaitan);
  - d) Pembatalan pendaftaran kenderaan dalam tempoh **1 bulan** dari tarikh surat edaran kelulusan bagi kaedah jualan sisa / serahan atau hadiah bagi tujuan pembelajaran atau pameran; dan
  - e) Menanggung segala kos yang terlibat bagi perkara 2 hingga 14 d).

Nota : Syarat-syarat sebut harga boleh dipinda mengikut keperluan Kementerian/Jabatan.